

**SIARAN AKHBAR**

**25 Oktober 2013**

## **EKUINAS LAKSANAKAN PELUPUSAN UTAMA PERTAMA MENERUSI JUALAN KONSORTIUM LOGISTIK BERHAD KEPADA DRB-HICOM BERHAD**

**Fakta Utama: -**

- Ekuinas lupus seluruh 61.1% kepentingannya di dalam Konsortium Logistik Berhad (KLB) kepada KL Airport Services Sdn Bhd (KLAS), anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM), setelah menjalankan proses penjualan menyeluruh untuk memilih pemegang saham majoriti paling sesuai untuk KLB. Dengan pelupusan Ekuinas ini sekaligus akan melibatkan proses Tawaran Awam Mandatori (MGO) dibuat oleh KLAS untuk memperoleh kepentingan ekuiti KLB selebihnya.
- Berdasarkan harga jualan RM1.55 sesaham, Ekuinas bakal menerima pertimbangan tunai keseluruhan sebanyak RM241.0 juta. Bersama dengan dividen terkumpul sebanyak RM96.5 juta yang sudahpun diterima oleh Ekuinas, pelaburan dalam syarikat KLB telah berjaya menjana kadar pulangan dalaman atau *Internal Rate of Return* (IRR) sebanyak 17.6% setahun atau 1.5 kali ganda jumlah yang telah dilaburkan oleh Ekuinas.
- Menerusi pelaburan ini juga, Ekuinas telah berjaya meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera sebanyak RM393.2 juta atau 1.6 kali ganda, termasuk potensi keuntungan ekuiti bernilai RM4.7 juta bagi semua kakitangan KLB.
- Penjualan KLB kepada Kumpulan DRB-HICOM, yang merupakan sebuah konglomerat Bumiputera yang turut memiliki kepentingan di dalam POS Malaysia Berhad dan PROTON Holdings Berhad, adalah sinergistik serta dapat melengkapkan transformasi KLB untuk menjadi salah satu syarikat logistik bersepadu yang terbesar di Malaysia.

**KUALA LUMPUR, (25 Oktober 2013):** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, hari ini mengumumkan penjualan keseluruhan 61.6% ekuiti dalam syarikat Konsortium Logistik Berhad (KLB) kepada KL Airport Services Sdn Bhd (KLAS), sebuah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad (DRB-HICOM) pada harga RM1.55 sesaham dengan jumlah pertimbangan tunai sebanyak RM241.0 juta. Penjualan ekuiti tersebut menyaksikan pelupusan pelaburan utama Ekuinas yang pertama, berikutan pelaburannya di dalam syarikat KLB pada Oktober 2010.

Ekuinas telah mengambil keputusan untuk melupuskan kepentingan di dalam KLB selepas menjalankan proses penjualan menyeluruh untuk mencari pembeli yang terbaik dengan bantuan sebuah bank pelaburan global terkemuka. Lebih daripada lima syarikat serantau dan tempatan telah menyatakan minat serius dan akhirnya Kumpulan DRB-HICOM telah terpilih sebagai pembeli yang paling sesuai berdasarkan kriteria harga tawaran, kesesuaian strategik dengan perniagaan KLB dan juga kesinambungan objektif sosial Ekuinas.

Harga jualan yang diterima Ekuinas mewakili premium sebanyak 11% berbanding harga saham berwajaran (*weighted share price*) KLB sepanjang tiga bulan lalu sebanyak RM1.40 dan mewakili 2.1 kali ganda aset ketara bersih (*net tangible assets*) KLB sehingga 30 Jun 2013.

Berdasarkan hasil jualan kasar yang diterima dan setelah mengambil kira dividen terkumpul yang diterima oleh Ekuinas sepanjang pemilikan ekuiti dalam KLB berjumlah RM96.5 juta, pelaburan dalam syarikat KLB telah menjana kadar pulangan dalaman atau *Internal Rate of Return* (IRR) sebanyak 17.6% setahun yang bersamaan dengan 1.5 kali ganda jumlah yang telah dilaburkan oleh Ekuinas.

Menerusi pelaburan ini, Ekuinas juga telah berjaya meningkatkan ekuiti Bumiputera sebanyak RM393.2 juta atau 1.6 kali ganda jumlah dilabur. Ini termasuk potensi keuntungan ekuiti bernilai RM4.7 juta bagi pengurusan dan kakitangan KLB menerusi skim opsyen saham kakitangan yang diperkenalkan. KLB kini juga mempunyai lebih 1,400 orang kakitangan, yang mana 91% daripada jumlah tersebut terdiri daripada Bumiputera, mewakili peningkatan sebanyak 25% sejak kemasukan Ekuinas.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Kami gembira dapat melupuskan kepentingan dalam syarikat KLB kepada DRB-HICOM, yang merupakan sebuah konglomerat Bumiputera yang terkemuka. Kumpulan tersebut telah dipilih berdasarkan **merit** setelah kami membuat penilaian yang terperinci ke atas semua cadangan pembelian yang diterima. Pembelian KLB oleh Kumpulan DRB-HICOM, yang memiliki kepentingan dalam syarikat POS Malaysia Berhad dan PROTON Holdings Berhad, adalah sinergistik untuk kedua-dua pihak dan bakal membantu melengkapkan transformasi KLB untuk menjadi salah satu syarikat logistik bersepadu yang terbesar di Malaysia".

Penjualan ekuiti Ekuinas dalam KLB kepada KLAS diumumkan setelah kedua-dua pihak menandatangani Perjanjian Jual Beli (SPA) bersyarat yang dijangka akan disempurnakan menjelang akhir tahun. Sejurus itu, Kumpulan DRB-HICOM akan membuat Tawaran Awam Mandatori (MGO) untuk kepentingan ekuiti KLB selebihnya yang tidak dimiliki oleh KLAS berdasarkan Kod Malaysia Mengenai Pengambilalihan dan Percantuman, 2010 di bawah Suruhanjaya Sekuriti.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad berkata, "Pelupusan kepentingan dalam syarikat KLB dilaksanakan selaras dengan mandat Ekuinas sebagai sebuah firma ekuiti persendirian atau *private equity*, untuk menjual kepentingan dalam sesebuah syarikat pelaburan setelah berjaya meningkatkan nilai. Sepanjang tempoh pemilikan, Ekuinas telah berjaya membantu meningkatkan nilai KLB menerusi pelan jualan aset bukan teras dan melebarkan operasi ke sektor baru seperti Minyak dan Gas, dan Barangan Pengguna Laris (*Fast Moving Consumer Goods* (FMCG)). Kami berbesar hati dapat menyerahkan KLB kepada DRB-HICOM yang bukan sahaja memiliki platform, sumber dan keupayaan keusahawanan yang diperlukan untuk membawa KLB ke peringkat yang lebih tinggi, tetapi juga dapat memastikan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam syarikat tersebut dapat terus dikekalkan."

KLB merupakan pelaburan kedua Ekuinas yang sehingga kini telah melaksanakan pelaburan komited secara langsung dalam 12 syarikat berpotensi tinggi dan 7 buah lagi di bawah Program Penyumberan Luar, yang bernilai RM1.6 bilion kesemuanya. Bersama dengan modal yang dilaburkan pihak swasta, Ekuinas telah berjaya menarik kemasukan modal lebih RM2.1 bilion ke dalam ekonomi Malaysia.

- Tamat -

#### **Mengenai Ekuinas**

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menubuhkan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru Malaysia di samping menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan. Setakat ini, Ekuinas telah melaksanakan pelaburan dalam syarikat-syarikat berpotensi tinggi Malaysia yang terlibat dalam perniagaan barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, AAbdulKarim@webershandwick.com (03) 6209 5222  
Anis Azharuddin, Weber Shandwick, AAzharuddin@webershandwick.com (03) 6209 5217